



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**ISNIN 26 SEPTEMBER 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	BILIK GERAKAN MAFI SIAP SEDIA, LOKAL, HM-22 MAFI TUBUH BILIK GERAKAN KHAS BERI PETANI AMARAN AWAL BANJIR, NEGARA, KOSMO-4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3. 4. 5. 6. 7.	MAQIS RAMPAS 150KG SARANG BURUNG WALET, LOKAL, HM-3 MAQIS RAMPAS SARANG BURUNG WALET RM250,000, NASIONAL, BH-20 MAQIS GAGALKAN CUBAAN EKSPORT SARANG BURUNG WALET KE VIETNAM, MAHKAMAH DAN JENAYAH, SH-14 SARANG BURUNG RM250,000 DIRAMPAS, NEGARA, KOSMO-16 BIRD'S NEST WORTH RM250,000 SEIZED AT KLIA, NEWS WITHOUT BORDER, TS-5	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
8. 9.	NAFAS BERI KERJASAMA DENGAN SYARIKAT BENIH, BISNES, SH-38 NAFAS MAMPU BEKAL 50,000 TAN BENIH PADI SETAHUN, DALAM NEGERI, UM-31	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
10. 11.	PESAWAH PANDU SENDIRI MESIN PADI, DALAM NEGERI, UM-29 JOHOR MULLS SETTING UP AGRICULTURAL PRODUCT COLLECTION HUB IN SEGAMAT, JOHOR, STARMETRO -5	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/9/2022	HARIAN METRO	LOKAL	22

## Bilik gerakan Mafi siap sedia

**Jasin:** Bilik Gerakan Khas Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) diaktifkan bagi menghadapi kemungkinan banjir pada musim Monsun Timur Laut dijangka November ini.

Timbalan Menteri Mafi, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, bilik gerakan itu yang ditubuh di setiap negeri akan memantau cuaca serta perkembangan golongan petani, penternak dan nelayan sekiranya berlaku banjir di satu-satu kawasan.

Katanya, pihaknya bekerjasama dengan Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) bagi mendapatkan laporan terkini bencana ter-

babit.

“Segala persiapan untuk menghadapi sebarang kemungkinan sudah dimulakan lebih awal bagi memastikan golongan petani, penternak dan nelayan sentiasa mendapat pembelaan sekiranya berlaku bencana.

“Insya-Allah, Mafi akan menggerakkan semua aset yang ada untuk membantu golongan terbabat selain pegawai serta anggota jabatan dan agensi Mafi akan sentiasa turun padang bagi memantau keadaan,” katanya selepas menghadiri Program Mesra Pahlawan di Dewan Politeknik Merlimau di sini, semalam.

# MAFI tubuh bilik gerakan khas beri petani amaran awal banjir



**AHMAD HAMZAH** (tiga dari kanan) pada Program Mesra Pahlawan di Dewan Politeknik Merlimau, Melaka semalam.

**JASIN** – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memubuhkan bilik gerakan khas bagi memantau keadaan cuaca dan memberi amaran awal kepada para petani dalam menghadapi Monsun Timur Laut.

Timbalan Menteri I MAFI, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, bilik gerakan itu diwujudkan di seluruh negara dengan kerjasama Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma).

"Bilik gerakan ini akan memantau keadaan cuaca serta perkembangan terkini golongan

petani, penternak dan nelayan sekiranya berlaku banjir besar di satu-satu kawasan.

"Kita nak pastikan golongan ini sentiasa mendapat pembe-  
laan sekiranya berlaku bencana, membantu golongan ini me-  
nyelamatkan harta benda serta aset dalam bencana itu," katanya.

Beliau berkata demikian se-  
lepas menghadiri Program Mesra Pahlawan di Dewan Politeknik Merlimau di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, MAFI akan menggerak-  
kan semua aset termasuk me-

minta pegawai serta anggota jabatan dan agensi yang berada di bawahnya dalam menghadapi bencana berkenaan.

"Kita akan menggerakkan aset yang ada, termasuk jentera untuk mengempam keluar air di kawasan bendang, menyediakan khidmat nasihat serta bantuan kit makanan kepada mangsa yang terjejas.

"Turut diambil perhatian ada-  
lah keselamatan golongan petani, penternak dan nelayan serta kakitangan MAFI yang bertugas,"  
katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/9/2022	HARIAN METRO	LOKAL	3

# *Maqis rampas 150kg sarang burung walet*

**Sepang:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas 150 kilogram (kg) sarang burung walet sudah diproses bernilai RM250,000 untuk dieksport ke Vietnam di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, pada Khamis lepas.

Pengarah Maqis Selangor Mohd Sobri Md Hashim berkata, hasil pemeriksaan jam 1 tengah hari yang dijalankan pegawai Maqis dengan kerjasama polis bantuan Malaysia Airport ke atas seorang lelaki warga Vietnam mendapati 15 kotak gabus dibawanya tiada dokumen sah seperti Eksport Permit dan Sijil

Kesihatan.

“Berikutan itu, sarang burung sudah diproses seberat 150kg sudah ditahan untuk tindakan lanjut,” katanya dalam satu kenyataan.

Mohd Sobri berkata, perbuatan mengeksport produk hasil haiwan tanpa permit sah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(2) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum dibawah Seksyen 11(3) akta sama.

Jika disabitkan kesalahan, boleh didenda maksimum RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/9/2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	20

# MAQIS rampas sarang burung walet RM250,000

**Selangor:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) merampas 150 kilogram (kg) sarang burung walet yang telah diproses bernilai kira-kira RM250,000 untuk dieksport ke Vietnam, di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini Khamis lalu.

Pengarah MAQIS Selangor, Mohd Sobri Md Hashim, berkata hasil pemeriksaan pada jam 1 tengah hari yang dijalankan pegawai dari MAQIS dengan kerjasama Polis Bantuan Malaysia Airport ke atas seorang lelaki war-

ga Vietnam mendapati 15 kotak gabus dibawanya tidak mempunyai dokumen sah seperti Eksport Permit dan Sijil Kesihatan.

“Berikutan itu, sarang burung 150kg yang telah diproses itu ditahan untuk tindakan lanjut,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Mohd Sobri berkata, perbuatan mengeksport produk hasil haiwan tanpa permit sah adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(2) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum

di bawah Seksyen 11(3) akta sama.

Jika disabitkan kesalahan, boleh didenda maksimum RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

“MAQIS sentiasa bersedia dalam melakukan tugas di semua pintu masuk negara bagi memastikan komoditi haiwan, pertanian, ikan yang masuk mahupun keluar dari Malaysia mematuhi syarat dan peraturan bagi menjamin keselamatan makanan untuk rakyat Malaysia,” katanya.

BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/9/2022	SINAR HARIAN	MAKANAN DAN JENAYAH	14

## Maqis gagal cubaan eksport sarang burung walet ke Vietnam

**SEPANG** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) telah menahan 15 kotak berisi sarang burung walet yang cuba dieksport ke Vietnam di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di sini pada Khamis lalu.

Pengarah Maqis Selangor, Mohd Sobri Md Hashim berkata, hasil pemeriksaan pada jam 1 petang terhadap seorang individu warga Vietnam mendapati, sebanyak 15

kotak yang dibawanya itu tidak mempunyai dokumen yang sah seperti permit eksport dan sijil kesihatan.

"Berikutan itu, sarang burung yang telah diproses seberat 150 kilogram dengan anggaran nilai RM250,000 telah dirahan untuk tindakan lanjut," katanya.

Beliau berkata, pembuatan mengeksport produk hasilan haiwan tanpa permit yang sah adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(2) Akta Perkhid-

matan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh di-hukum dibawah Seksyen 11(3), akta yang sama.

"Pihak Maqis sentiasa bersedia dalam melakukan tugasan di semua pintu masuk negara bagi memastikan komoditi haiwan, pertanian, ikan yang masuk atau keluar dari Malaysia mematuhi syarat serta peraturan yang ditetapkan bagi memastikan keselamatan makanan terjaga," jelasnya.



15 kotak berisi sarang burung walet yang cuba dieksport ke Vietnam.

Produk seberat 150 kg cuba dibawa keluar melalui KLIA untuk pasaran Vietnam

# Sarang burung RM250,000 dirampas


Oleh EDDY HAMIDI

**PUTRAJAYA** - Sebanyak 15 buah kotak gabus mengandungi sarang burung telah diproses seberat 150 kilogram yang cuba dibawa keluar melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang berjaya dirampas dalam satu pemeriksaan pada Khamis lalu.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor, Mohd. Sobri Md. Hashim berkata, kesemua sarang burung bernilai RM250,000 itu didapati cuba dieksport ke Vietnam.

"Pemeriksaan dengan kerjasama Polis Bantuan Lapangan Terbang mendapati kesemua 15 buah kotak gabus yang dibawa oleh seorang warga Vietnam itu tidak mempunyai dokumen yang sah seperti Permit Eksport dan Sijil Kesihatan.

"Susulan itu, kesemua sarang burung berkenaan telah ditahan



**SEBANYAK 15** buah kotak gabus mengandungi sarang burung seberat 150 kilogram dan bernilai RM250,000 dirampas Maqis di KLIA. Sepang pada Khamis lalu. - IHSAN MAQIS SELANGOR

untuk tindakan lanjut," katanya menerusi satu kenyataan di sini semalam.

Ujarnya, perbuatan mengeksport produk hasil hutan tanpa permit yang sah merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 11(2) Akta Perkuudmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

"Pelaku boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) Akta sama dan jika disabitkan kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

"Maqis akan sentiasa berseedia dalam melakukan tugasannya di semua pintu masuk negara bagi memastikan komoditi haiwan, pertanian, ikan yang masuk mahupun keluar dari Malaysia mematuhi syarat juga peraturan yang ditetapkan bagi memastikan keselamatan makanan terjamin dan selamat dimakan oleh rakyat Malaysia," tegas beliau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/9/2022	THE STAR	NEW WITHOUT BORDERS	5

## Bird's nest worth RM250,000 seized at KLIA

**SEPANG:** The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) seized 150kg of processed bird's nest worth about RM250,000 for export to Vietnam at the KL International Airport on Thursday, Bernama reported.

Maqis Selangor director Mohd Sobri Md Hashim said an inspection at 1pm conducted by Maqis officers in collaboration with the Malaysia Airports Auxiliary Police on a Vietnamese national found that he did not have valid documents such as export permits and health certificates for the 15 boxes of processed bird's nest he was carrying.

"Following which, the processed bird's nest was seized."

Exports of animal products without a valid permit is an offence.

Offenders are liable to a fine of not more than RM100,000 or a jail term of not more than six months or both.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/9/2022	SINAR HARIAN	BISNES	38

## Nafas kerjasama dengan syarikat benih

**KOTA BHARU** - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) akan bekerjasama dengan tiga syarikat pengeluar benih padi bagi memudahkan agihan sebanyak 50,000 tan metrik benih itu kepada pesawah di seluruh negara.

Pengerusinya, Datuk Zamri Yaakob memaklumkan syarikat terlibat ialah dua di Kedah dan satu di Selangor.

Beliau berkata, pesawah memerlukan kira-kira 72,000 tan metrik benih padi setahun dan jumlah yang diperolehi kini tidak mencukupi.

“Sudah tiba masanya Nafas menjadi pembekal kepada pesawah yang terlibat secara berperingkat,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang Negeri Kelantan Kali Ke-47/2022 di sini pada Ahad.

Sementara itu, mengulas mengenai perkembangan kes penyelewengan yang berlaku dalam pertubuhan itu, Zamri berkata, usaha pihak berkuasa menahan mereka yang disyaki terlibat masih diteruskan.

Zamri berkata, bagaimana pun pertubuhan itu belum menerima sebarang perkembangan penahanan suspek baharu.

Tambah beliau, Nafas menyerahkan sepenuhnya siasat-



**Zamri (tengah) menyampaikan replika cek dana Projek MyGreen Team kepada wakil Pertubuhan Peladangan Kebangsaan (PPK) Tumpat sempena Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke 47/2022 pada Ahad.**

an kepada polis dan pihak terlibat.

“Kita sudah menyerahkan laporan kepada pihak berkuasa supaya mereka yang bersalah diambil tindakan,” katanya.

Pada tahun 2020, laporan audit forensik yang dilakukan ke atas akaun milik Nafas mendedahkan pertubuhan itu menanggung kerugian kira-kira RM50 juta akibat penyelewengan pengurusan kewangan dan tadbir urus.

Sebelum ini, terdapat laporan berlaku kekurangan bekalan benih padi. Ini menyebabkan kerajaan mengubah kaedah

pengagihan, apabila 12 syarikat diberi hak mengeluarkan benih padi sah selepas berlaku masalah pengedaran tahun lalu.

Kelewatan menerima benih padi dijangka menjejaskan jadual tanaman kira-kira 110,000 hektar sawah di seluruh kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Pada Februari 2020, Nafas memperkenalkan program pertanian pintar bagi membolehkan sawah diusahakan empat kali setahun iaitu 60 hari tanaman berbanding 150 hari. Langkah dapat membantu meningkatkan hasil padi negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/9/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31



**ZAMRI Yaakob (tiga, kanan) menyampaikan replika cek sumbangan kepada Pertubuhan Peladang Negeri Kelantan pada Mesyuarat Agung Tahunan pertubuhan itu ke-47/2022 di Dewan Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra, Panji, Kelantan. - UTUSAN/ROSMIZAN RESDI**

## Nafas mampu bekal 50,000 tan benih padi setahun

**KOTA BHARU:** Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) optimis mampu membekalkan 50,000 tan metrik benih padi setahun kepada pesawah di seluruh negara menerusi kerjasama dengan syarikat pengeluar benih tanaman itu.

Pengerusi Ahli Jemaah Pengerah Nafas, Datuk Zamri Yaakob berkata, kerjasama yang melibatkan syarikat tiga syarikat masing-masing dua di Kedah dan satu Selangor itu sudah berada di peringkat akhir rundingan.

Menurutnya, kerjasama dengan dua buah syarikat akan bermula pada tahun ini.

“Sudah tiba masanya untuk Nafas menjadi pembekal utama memandangkan pesawah memerlukan lebih kurang 72,000 tan metrik benih padi setahun.

“Dengan adanya usaha ini kita akan dapat membekalkan lebih kurang 50,000 tan metrik benih padi setahun secara berperingkat,”katanya

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang Negeri Kelantan Kali Ke-47/2022 di Dewan Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra, Panji di sini semalam.

Zamri memberitahu, kerjasama itu bersifat sementara memandangkan Nafas masih belum berpengalaman menguruskan pengeluaran benih padi.

“Nafas juga telah berjanji dengan ahli-ahli peladang di dan kita akan menggunakan peruntukan berkenaan untuk industri padi,” ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/9/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

# Pesawah pandu sendiri mesin padi

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**  
shofi.isa@mediamulia.com.my

**ROMPIN:** Pesawah di Paya Sepayang di sini terpaksa memandu sendiri mesin padi selepas pemandunya lari ekoran kemerosotan hasil tuaian angkara padi menjadi hampa dan juga masalah padi angin.

Akibat hasil berkurangan, pemandu mesin padi yang bergantung kepada bayaran berdasarkan berat tuaian menanggung kerugian dan tidak mampu meneruskan kerja.

Selepas menolak kos minyak, makan minum serta tempat tinggal, pemandu berasal dari Perak itu tidak dapat meneruskan kerja memandangkan untuk mendapatkan RM20 sehari pun agak sukar.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Padi Se-

payang, Zulkarnain Abdullah berkata, penyakit dan serangan serangga perosak begitu ketara musim ini yang menyebabkan hasil padi menurun.

Jelasnya, tuaian awal di satu blok kawasan penanaman padi berkeluasan 101 hektar hanya merekodkan 110 tan dalam musim kali ini berbanding 191 tan direkodkan musim lalu.

"Kita minta pihak terbabit dapat menyelesaikan masalah yang membelenggu petani sehingga menyebabkan hasil terjejas teruk.

"Pada masa ini tuaian masih diteruskan dan berharap musim akan datang dengan bantuan pelbagai pihak, masalah pesawah ini dapat diatasi," katanya di sini semalam.

Jelasnya, kemerosotan hasil bukan sahaja menjejaskan pesawah namun memberi kesan

kepada pemandu mesin padi.

Seorang lagi petani, Abdul Muttalib Abdullah, 48, berkata, pada musim ini hasil padinya jatuh teruk sehingga tidak dapat mengembalikan modal.

Katanya, ada kawasan sawah padi yang berkeluasan 0.4 hektar hanya mendapat hasil tidak sampai 200 kilogram akibat padi angin.

"Memang ini masalah kami hadapi dan harap pelbagai pihak membantu kerana kami masih tidak berputus asa untuk terus mengusahakan sawah padi," katanya.

Sementara itu, Pegawai Pertanian Rompin, Norazlina Ismail berkata, berdasarkan kajian dilakukan pihaknya mendapati antara penyakit yang menyerang kawasan jelapang padi berkenaan ialah hawar daun bakteria dan bintik perang tirus.



**PESAWAH** memandu sendiri mesin padi bagi menuai padi jelapang padi Paya Sepayang di Rompin, Pahang.

# Johor mulls setting up agricultural product collection hub in Segamat

**By YEE XIANG YUN**  
xiangyun@thestar.com.my

THE state government will soon hold an in-depth discussion with the East Coast Economic Region Development Council about setting up a collection hub for agricultural products in Segamat.

State agriculture, agro-based industry and rural development committee chairman Datuk Zahari Sarip said the council had earlier proposed such a hub.

"The state already has plans to set up a similar collection hub in Desaru, Johor, to assist small-scale farmers with their products.

"We cannot just have one in south Johor as we need another hub in the central and northern regions of the state," he said.

Zahari, who is also Buloh Kasap assemblyman, added that a collection hub in Segamat was beneficial as farmers in Jementah produce and supply high quality fruits like durian and pomelo to various parts of the country.

He also urged local farmers to organise more events to promote local fruits.

"In the past, large-scale programmes successfully brought tourists into the area while spreading awareness about Segamat's high quality fruits.

"I will support the agricultural associations and work with farmers to organise such events

if needed," he added.

Johor Fruit Farmers' Association deputy chairman Tang Han Boon welcomed the setting up of a collection hub for agricultural products as it could boost Segamat's reputation.

"It can also help smallholders with their sales at the same time. "Jementah is well-known for producing delicious durian and the pomeloes from local farms mostly go to the Singapore market," he said.

Tang added that the state government should also look into assisting local farmers, especially smallholders, in applying for incentives like fertiliser subsidies.

"There is a significant number of small-scale farmers not only in Segamat but also other parts of the state. They are suffering from high operational costs because of the increase in fertiliser and pesticide prices.

"Many smallholders are not familiar with government agencies or the application process.

"They hope the relevant authorities can be more proactive by setting up mobile counters to ease the application process," he added.



Zahari (left) looking at the different types of pomeloes grown by Segamat farmers.